

E-mel

Daripada: farisha@ymel.com

Kepada: sindalikan@ymel.com

Perkara: Aktiviti Perpaduan

Tujuan saya mengirim e-mel ini adalah untuk bercerita tentang aktiviti memupuk perpaduan di sekolah saya. Antara programnya termasuklah pertandingan drama muhibah, larian sehati sejiwa, malam kebudayaan dan sukaneka perpaduan. Program itu untuk melahirkan peserta yang dapat menjiwai erti perpaduan.

Setiap aktiviti dan penyertaan dalam sesebuah pasukan perlu melibatkan murid berbilang kaum. Pihak sekolah juga mengundang sebuah kumpulan kebudayaan dari Sarawak dan Sabah. Mereka beraksi untuk _____ malam kebudayaan. Seperti kata pemimpin, rakyat mestilah bertoleransi dan mengelakkan perpecahan. Pada hari itu, peserta saling _____ dan bermaafan.

Semangat _____ jelas kelihatan melalui program itu. Program itu dapat memupuk semangat perpaduan dan _____ bakat kerana budaya yang _____ bangsa perlu _____ agar sentiasa subur.

Akhir kata, saya berharap agar saudara juga sudi menceritakan aktiviti perpaduan di sana. Kita patut _____ nikmat muhibah di negara kita. Saya berharap semoga tali _____ kita terus terjalin. Walaupun jauh di mata, dekat di hati. Kita tetap bersahabat.

Sekian, terima kasih.